## Norhardi Bin Saad

**From:** Hal Ehwal Pelajar
**Sent:** Sunday, 23 March, 2025 2:30 PM
**To:** UUM - All Students; UUM - All Staff
**Subject:** MAJLIS IFTAR JAMA'IE & IHYA' LAILATUL QADAR 1446H DI PUSAT PEMULIHAN DADAH DAN AKHLAK DARUL MUNAWARAH




**23 MAC 2025 / 22 RAMADAN 1446H**
==========

**HEPA ONLINE :**

Berita oleh : Nurul Izzah Bt Mohd Noor Din
Gambar oleh : Muhammad Ikhwan Mohd Shukri
(Kaunselor Pelatih, Pusat Kaunseling)




**HEPA ONLINE :** Sintok, Majlis Iftar Jama'ie & Ihya' Lailatul Qadar 1446H anjuran bersama Paksi Malaysia, Darul Munawarah dan Universiti Utara Malaysia (UUM) telah berlangsung dengan penuh keberkatan di PPDP Darul Munawarah, Sintok, Kedah.

Majlis yang bermula pada pukul 5.00 petang itu dimulakan dengan solat Asar berjemaah, diikuti dengan tahlil dan khatam al-Quran. Ketibaan Staf Pusat Kaunseling UUM pada pukul 5.40 petang turut memeriahkan suasana. Menjelang waktu berbuka, para tetamu membuat persiapan sebelum menikmati juadah berbuka puasa pada pukul 7.30 malam. Setelah itu, mereka menunaikan solat Maghrib, Isyak, dan solat Tarawih secara berjemaah. Majlis diakhiri dengan penyerahan sumbangan bakul Ramadhan oleh Timbalan Pengarah Pusat Kaunseling, Tuan Haji Shahrin kepada Pengerusi PPDP Darul Munawarah, Ustaz Rosli.

Majlis ini diharapkan dapat mengeratkan ukhuwah dalam kalangan umat Islam serta menghidupkan malam-malam terakhir Ramadan dengan penuh keberkatan. Kehadiran yang memberangsangkan membuktikan semangat kebersamaan dalam mengimarahkan bulan yang mulia ini.

———————————————————

PUSAT KAUNSELING
JABATAN HAL EHWAL PELAJAR
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

==========

Jabatan Hal Ehwal Pelajar
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman
Malaysia
Tel. : +604 928 4013
Fax : +604 928 4016
E-mail: hep@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.